

CIKGU KAMARUDDIN  
ARIFFIN-TAPAH.

NOTA-

CERITA~SEJARAH  
DI TADAH.



Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Ing) II

Jalan Pahang, Tapah, Perak.

Tarikh \_\_\_\_\_

5. Dato Panglima Perang Semaun di masa Perang Perak 1875-1876. Bersama dengan Tengku Panglima Besar, Dato Maharaja Lela dan Sultan Ismail di Kinta pada 17 Dec 1875. (Parkinson's British Intervention In Malaya, UMP K.L.).
6. Dato Panglima Perang Semaun di Pulau Pinang. Bersama dengan Tok Nara dan Sultan Ismail pada 20 Mac 1876 (Parkinson).
7. Dato Panglima Perang Semaun dibuang negeri ke Johor bersama-sama Sultan Ismail pada tahun 1877 (Mallal's M.A thesis. Singapore).
8. Pada 3hb April 1877, saya mengambil alih Kerajaan Negeri-Negeri Selat daripada Sir William Jervois. (Jervois telah di tukarkan ke Australia) Sampai di Singapura, saya dapati Sultan Abdullah, Dato Laksamana, Dato Shahbandar dan Tengku Menteri Larut ada di dalam jail - empat orang pembesar negeri Perak ini telah dijatuhkan hukuman buang negeri ke Seychelles. Saya melawat mereka di dalam jail pada hari sebelum mereka dihantar pergi. Dia (Sultan Abdullah) menghulurkan tangannya kepada saya, tetapi tidak saya terima. Kepada mereka yang lain itu, saya menaruh simpati .... dan bersalam-salaman dengan mereka bila pulang (Maj. General Sir A.E.H. Anson KCMG: About Others And Myself, London 1920).
9. Mengikut keterangan buku Kesan Sejarah Tanah Ayer, makam Sultan (Bendahara) Ismail Perak sekarang ini ada di Bulit Mahmudiah, Johor Baru. Tetapi mengikut cerita yang diketahui, Sultan Ismail bersemayam di Sekudai, Johor di masa pembuangan.

Insha'Allah bila anakanda bertemu dengan adik ipar anakanda Encik Abdul Ghani kelak akan diminta supaya pergi ke Sekudai dan Johor Baru, melihat-lihat jika ada di sana kubur Dato Panglima Perang Semaun. Semoga dicucuri Allah setinggi Rahmatnya ke atas arwah Tok Moyang kita itu. Amin.

Sekianlah dahulu dimaklumkan. Selamat Maju Jaya dan Wassalam.

s.k.

1. Y.D.H. Tok Muda Laksamana  
JKR 21, Jalan Besar, Taiping.

2. Y.A.M. Raja Kobat Ibni DYTM Raja Muda  
2, Lorong 14/37 D, Petaling Jaya.

3. MOHD Abdul Halim Nasir,  
Jalan Damansara, K Lumpur.

Anakanda yang benar,

Sekolah Rendah Kebangsaan II  
Jalan Pahang,  
(A Kamarudin Ariffin).

ipon: TAPAH 2924x 641441

SAL 62/1

178) dlm SRJK(Ing) di Tapah.

at tuan



Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Ing) II.

Jalan Pahang, Tapah, Perak.

Tarikh 17hb April 1979

Encik Ab Halim Nasir  
MUZIUM NEGARA  
(Bahagian Penyelidikan & Sejarah)  
Jalan Damansara, Kuala Lumpur.

Saudara,

Surat saudara yang bertarikh 4hb April 1979 tempuh hari telah selamat diterima dan diucapkan ribuan terima kasih.


Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada saudara yang sungguh giat berusaha dalam bidang sejarah dan kebudayaan. Di antara delapan buah buku yang saudara senaraikan itu, saya suka mengalu-alukan akan terbitnya Sejarah Perak Siri Kedua dan Rumah Tradisional Melayu Di Perak.

Pihak sekolah ada memaklumkan kepada saya bahwa dua orang Pegawai Muzium telah datang ke sekolah ini pada hari Khamis 12hb April 1979 jam 8.00 pagi. Malangnya tidak dapat bertemu-ramah dengan mereka, Sebab lewat ke pejabat di masa cuti sekolah.

Sebagaimana dikehendaki, bersama-sama ini dihadiahkan Sejarah Tapah dan tujuh buah maklumat yang diperolehi dalam usaha kaji-siasat berkaitan dengan Salasilah Keluarga. Semoga ada faedahnya kepada saudara.

Selamat berkhidmat.

Yang benar,

  
A. Ariffin

Guru Besar  
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan II  
Jalan Pahang,  
Tapah, Perak.  
(A Kamarudin Ariffin).

s.k.

Tn Sheikh Mohd Sharif  
Teluk Anson, Perak.

alipon: TAPAH 212X 641441  
SAL 62/1  
l. (188) dlm SRJK (Eng) Tapah

rat tuan



Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Eng) II.  
Jalan Pahang, Tapah, Perak.

Tarikh 20hb Jun 1979.

Terci pada 25/6/79.

Encik Ab. Halim Nasir  
MUZIUM NEGARA  
(Bahagian Penyelidikan & Sejarah)  
Jalan Damansara, Kuala Lumpur.

Saudara,

Dengan hormatnya dimaklumkan bahwa minat terhadap sejarah tempatan sungguh menggalakkan di Dewan Orang Ramai Batu 16 Lambor Kanan seperti yang dilaperkan dalam Berita Harian, Selasa 5 Jun 1979 lalu. Tidak kurang daripada 200 orang telah menghadiri perjumpaan itu, termasuklah beberapa orang teoh dan persatuan-persatuan sejarah dan penulis dari Hilir Perak dan Perak Tengah. Ini adalah satu tanda yang sangat baik.

Oleh kerana perkara yang telah diutamakan adalah berkenaan dengan Ikan Tapah, saya telah mengambil berat tentang perkara ini dengan mengedarkan maklumat yang berkaitan kepada pihak-pihak yang berkenaan, sebagai pandangan dari segi Tapah ini. Semoga maklumat yang disertakan bersama-sama ini akan menambah pengetahuan kita bersama.

Seterusnya berkenaan dengan maksud saudara akan menerbitkan sebuah buku berkaitan dengan Orang Besar-Besar Perak, itu adalah suatu usaha yang patut disanjung tinggi. Sejauh kaji-siasat saya mengenai salasilah nampaknya gelaran Orang Besar-Besar itu bolehlah diumpamakan sebagai Seutas Mutiara, ujudnya berperingkat-peringkat. Pada mulanya empat butir mutiara diikat, diikut pula dengan lapan, ditambah dengan enam-belas dan akhirnya disempurnakan dengan tiga-puluh dua. Misalnya pada zaman Perak mula mempunyai Kerajaan hanya ada Besar Empat Di Balai, pada zaman Acheh timbul pula Hulubalang Delapan, di zaman Bugis (1740 an) diadakan Penghulu Enam-belas dan kemudian seterusnya.

Berkenaan dengan Orang Besar di Batang Padang ini nampaknya Tok Tan Dewa Sakti mula dilantik pada tahun 1740 an iaitu di zaman kedatangan Bugis ke Perak. Hasil kaji-siasat ini nampaknya selaras dengan catitan yang terdapat dalam Salasilah Keturunan Batang Padang yang berkunyi seperti berikut:-

"TOK SIMPANG TIGA .... maka turun temurun digelar TAN DEWA SAKTI,  
digelar Penghulu Enam Belas yang namanya Tiang Kerajaan Negeri Perak  
akan Pembela Jambor Meriam Raja Perak."

lipon: TAPAH 2121  
641441  
SAL 62/1  
(197) dlm SRJK (Ing) II, Tapah.

rat tuan



Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Ing)  
Jalan Pahang, Tapah, Perak.

Tarikh Shb Sept 1979

Kehadapan Yang Di Hormati  
Tok Muda Laksamana Ali Akbar  
Pejabat Orang Besar Jajahan Larut  
Taiping, Perak  
Dengan Selamat Sejahteranya.

Dato,

### PERISTIWA PASIR SALAK

Dengan hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahwa tiga keping salinan maklumat berkenaan dengan 1) TOK JANGGUT DURIAN SEBATANG 2) PERISTIWA PASIR SALAK dan 3) SURAT SULTAN ABDULLAH KEPADA MAHARAJA JOHOR telah selamat diterima semalam dan diucapkan ribuan terima kasih. Maklumat-maklumat ini sebenarnya sangat penting dan berharga kepada peminat sejarah tanah air. Segala usaha Dato kerana menyimpan maklumat seperti ini sangatlah disanjung tinggi.

Di sini saya suka menyentuh sedikit tentang PERISTIWA PASIR SALAK sebab saya ada menulis cerita yang sama berjudul SARANG TEBUAN JANGAN DIJOLOK atau Kisah J.W. Birch Resident British Pertama Mati Dibunuh (SEJARAH TAPAH dihalaman 7-13). Bersama-sama ini dihadiahkan satu naskah SEJARAH TAPAH kepada Dato.

Jika dibandingkan kedua-dua kisah ini, maka didapati bahawa pada keseluruhannya jalan caritanya adalah sama, pendekata seperti kata orang tua-tua: Si Lemah Menjadi Makanan Si Kuat. Tetapi dari segi detailnya, ada dua perkara yang penting, wajib dijelaskan, semoga dapat ditentukan mana satu yang betul.

1. Mengikut cerita PERISTIWA PASIR SALAK bahwa pada 13hb Januari 1874 diantara pihak Melayu yang menghadiri majlis Perjanjian Pulau Pangkor itu termasuklah Sultan Abdullah. Tetapi mengikut SARANG TEBUAN JANGAN DIJOLOK bahwa pada masa itu Raja Abdullah masih bergelar sebagai RAJA MUDA sahaja. Hanya pada 20hb Januari 1874, setelah Perjanjian Pulau Pangkor ditandatangani, barulah Raja Muda Abdullah diistiharkan sebagai Sultan. Sultan Ismail yang sedang berkerajaan di masa itu semenjak tahun 1871 lagi, diistiharkan sebagai telah dibersarakan/dipencenkan dengan gelaran Bekas Sultan/Sultan Muda.

alipon: TAPAH 2181

I. ( ) dlm SRJK (Ing) II. Tapah

rat tuan



Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Ing) II.  
Jalan Pahang, Tapah, Perak.

Tarikh

Tetapi mengikut keterangan R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt (yang mengasaskan kaji-siasatnya di zaman permulaan Kolonial British sudah kuat bertapak dan berkuasa di Perak ini), bespendapat bahwa Tok Tan Dewa Sakti dikira sebagai Orang Besar-Besar 32. Saya suka mencadangkan kepada saudara supaya meneliti perkara ini dengan mendalam dengan merujuk kepada document-document lama di Muzium dan di Arkib sebab Tuan J.W. Birch nampaknya sangat benci kepada Tok Tan Dewa Sakti di zamannya. Mungkin ada sesuatu muslihat untuk menurunkan darjatnya. Di tempat saya ini pun ada seorang Tek Tan Dewa Sakti yang tidak dimasukkan ke dalam senarai sejarah Tapah saya sebab tidak boleh disebut namanya! (Ini saya dapat tahu setelah menyusun sejarah itu).

Sekianlah dahulu dimaklumkan.

Wassalam.

Yang benar,

Guru Basir  
Sekolah Rendah Kebangsaan II  
Jalan Pahang,  
Tapah, Perak.  
(A Kamarudin Ariffin).

s.e.k.

1. Y.M Raja Kobat Ibni DYTM Raja Muda  
No 2 Lorong 14/37 - D  
Petaling Jaya.

2. Tuan Sheikh Mohd Shariff  
1042, Jalan Mahkota  
Teluk Anson.

CERITA TOK TUA SAKTI DAN IKAN TAPAH

Kita sungguh tertarik dengan Cerita Sumpah Ikan Tapah yang dibincangkan oleh beberapa orang tokoh dan persatuan-persatuan penulis tempatan di Lambor Kanan seperti tersiar dalam Berita Harian, Selasa, 5 Jun 1979 lalu. Jika dibandingkan cerita Tok Tua Sakti, orang yang mula-mula sekali membuka rantaui Tapah ini, dengan cerita yang di Lambor itu, kita akan dapati bahwa persamaannya boleh menyakinkan. Dua yang kedua-dua cerita itu berasal dari punca yang sama. Kepada yang berminat dalam jurusan ini, diturunkan ringkasan kedua-dua cerita yang tersebut itu sebagai renungan.

CERITA TOK TUA SAKTI DI TAPAH

Tokohnya terkenal sebagai Tok Tua Sakti.

Berasal dari Siak, Sumatera.

Membuka kampung di Sungai Tapah (setengah batu ke hulu bandar Tapah sekarang) di Sungai Batang Padang. Sebuah tempat di hujung negeri.

Berjasa kepada Dato Bendahara Garang dalam ikhtiar-usahanya membawa pulang Tuan Puteri Limau Purut dari luar negeri. Digelar Tok Tua Sakti oleh Sultan Mukaddam Shah, Sultan Perak Ke 6 (1603 - 1619). Kononnya di zaman baginda itu menyabung ayam menjadi temasya seperti musabaqah sekarang.

Tewas dalam menyabung hingga kampung halaman habis tergadai.

Pulang ke kampungnya. Bertaubat tetapi bersedia menjelaskan hutang/pertaruhan. Tidak Dato putus asa. (Alah sabung menang sorak).

Mendapat mimpi Ikan Tapah akan menolongnya dengan bersyarat.

CERITA SUMPAH IKAN TAPAH DI LAMBOR

. Tokohnya bernama Pak Kaduk.

Seorang perantau dari Sumatera.

Menetap di Lambor di Sungai Perak. Sebuah tempat yang terkenal kepada Raja dan Orang Besar-Besar di zaman itu.

Hidup di zaman seorang Sultan yang suka/asyik menyabung ayam.

Tewas sebab ayamnya Si Jalak bertukar dengan ayam Raja bernama Si Bereng.

Dihantar ke pondok usang di Pulau Tok Nara di Lambor Kiri dekat Sungai Perak. Menyesal di atas perbuatannya.

Kucingnya menolongnya dengan membawanya ke sebuah paluh/lopak.

arifpu.

ORANG BESAR-BESAR KUALA TEJA

Gen Box

Sukeld Randal

Luhagge. II,

Jala phs. Tarik M. 4/4129

Awal Kata

Mengikut ceritanya pada zaman dahulu di Kuala Teja (dekat Kota Baru, Gopeng sekarang) ada Orang Besar-Besarnya, bergelar Dato Panglima Teja, dianggap sebagai Orang Besar-Besar 16. Kononnya tempat itu dipanggil KUALA TEJA sebab pada zaman itu banyak pokok seteja (sejenis kayu manis hutan) tumbuh di tebing sungai itu.

1. Dato Panglima Teja Yang Asal

Dato Ulin b Panglima Kukut. Dilahirkan di Paulima (sebuah kampung tinggal di tebing Kiri Sungai Kinta) pada tahun 1748. Ayahandanya bernama Dato Panglima Kukut b Tok Demang Indera Kesakti, lebih terkenal di kalangan orang tua-tua di Kota Baru sekarang sebagai Keramat Panglima di Paulima. Bondanya bernama Andak Ulum, keturunan Bugis, berasal dari Tanah Seberang. Nampaknya bondanya itu adalah daripada orang-orang Bugis yang datang bermastautin beramai-ramai ke negeri ini pada tahun 1743.

Dilantik sebagai Dato Panglima Teja oleh Sultan Abdul Malik Mansur Shah, Sultan Perak ke-19 (1806-1825) dengan tunjukan/sokongan Yang Dipertuan Muda Raja Ahmad Shah Johan Berdaulat, menantu Raja yang berasal dari Daik. Setelah dilantik dalam suatu upacara di Indera Sakti di Hilir Perak, Tok Teja mudik ke Kuala Teja lalu membuka perkampungan di situ, lengkap dengan istana, masjid dan balainya sekali. Penunggu kuala itu terkenal sebagai Jin Kuala Teja dan dengan jinjang Tok Teja telah berbaik mesra. Ada juga disebut jinjang itu sebagai khadam kepada amalan dato.

Kononnya di zaman itu boleh berlabuh jong dan tongkang di kuala itu.

Mengikut ceritanya Dato Panglima Teja dan sahabatnya Dato Panglima Kampar (Dato Ali Paduka Raja/Tok Haji Mohd Yusof) telah menolong Raja Alang Iskandar Ibni Raja Ahmad dengan berusaha sedaya-upaya untuk mendapatkan sebanyak-banyak bijih timah dari Sungai Teja dan Sungai Kampar. Kononnya Raja Alang Iskandar sangat lurus orangnya tetapi banyak hutangnya. (Mungkin pertolongan yang disebutkan ini diperlukan oleh puak Raja Muda Jaafar (Kekanda kepada Raja Alang Iskandar) dalam perbalahannya dengan Sultan Perak Ke-21 (1830-1841) dan Sultan Perak Ke-22 (1841-1850).

Perbalahan yang bermula pada tahun 1830 an telah berlanjutan hingga Sultan Abdullah Muhammad Shah, Sultan Perak Ke-22 (1841-1850) terpaksa melarikan diri dari istananya lalu berlindung kepada Dato Laksamana di Durian Sebatang (Teluk Anson Sekarang) pada tahun 1853. Marhum Durian sebatang mangkat pada tahun 1857.

## 5. Dato Panglima Teja Yang Terakhir

Tok Teja Hussain, seorang hartawan di Ipoh. Dilantik di masa Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak Ke-30 (1918-1938). Kononnya di upacara bergelar di Kuala Kangsar, Nafiri tidak mahu berbunyi. Tidak lama menyandang gelaran dan apabila meninggal dunia, gelaran Dato Panglima Teja dimansuhkan hingga sekarang ini.

### Akhir Kata

Cara perlantikan Sultan Perak mengikut giliran di antara tiga kaum kerabat di Raja seperti yang diterangkan oleh ahli-ahli sejarah zaman kolonial (Seperti Swettenham, Wilkinson dan Winstedt) nampaknya kadang kala membangkitkan perbalahan di antara kaum kerabat di Raja itu, dan jika tidak diawasi oleh orang dalam akan memberi peluang kepada kuasa-kuasa asing untuk mengadu-dombakan caluncalun di Raja yang tidak puas hati supaya timbul suatu keadaan darurat (seperti perang saudara) untuk mereka campur tangan.

Maka di sinilah perlunya ORANG BESAR-BESAR PERAK memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing supaya situasi dapat dikuasai sebelum merebak lebih buruk lagi. Tidaklah memadai bagi Orang Besar-Besar itu hanya berbesar-besarkan dengan gelarannya sahaja. Dalam perbalahan di antara kaum kerabat di Raja (iaitu Raja Muda Jaafar dan Raja Bendahara Alang Iskandar di satu pihak, dan Sultan Shahabuddin dan keluarganya di lain pihak) peranan Dato Panglima Teja dan Dato Panglima Kampar sedikit sebanyak kelihatan. Dato-dato itu nampaknya menyokong dan mempertahankan pihak di Raja yang dipercayai lebih layak. Berkat peranan seperti itu maka Kerabat di Raja di Sungai Kinta telah berjaya menduduki Takhta terajaan Negeri Perak hingga ke hari ini. (Sebelum menjadi Sultan, Raja Muda Jaafar bersemayam di Pengkalan Pegoh di Sungai Kinta, manakala adindanya Raja Bendahara Alang Iskandar ke hilir sedikit di Kuala Keboi dan kemudian di Kuala Teja). Sedangkan keturunan ayahanda saudaranya seperti Sultan Shahabuddin Riayat Shah, Sultan Perak Ke-21 (1830-1841) dan Sultan Abdullah Muhammad Shah, Sultan Perak Ke-22 (1841-1850) pada akhirnya melepas sama-sekali.

Walaupun Raja Bendahara Alang Iskandar Ibni Raja Ahmad Shah Johan Berdaulat tidak sempat menjadi Sultan sebab mangkat pada tahun 1849, tetapi peranan yang telah dimainkannya dalam masa yang agak singkat itu sudah cukup menjamin kedudukan turunannya. Mungkin di sinilah terletaknya keistimewaan Marhum Teja di Kuala Teja.

WALLAH-HUALAM (Tuhan juga yang lebih mengetahuinya).